TOGETHER WE TRANSFORM

Buletin MCS

MAMPU

MAJLIS ANUGERAH INOVASI SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK 2010



JULAI 2010 - JUN 2011

Isi kandungan

Dari Pena Ketua Editor	1
Sidang Editor	1
Sekapur Sirih	2
Seulas Pinang	3
Minggu Inovasi Agensi Persekutuan Sarawak 2010	4
Anugerah Laman Web Setiausaha Persekutuan Sarawak (ALWSUPS) 2010	5
Anugerah Inovasi dan Kreativiti Setiausaha Persekutuan Sarawak (AIKSUPS) 2010	6 - 7
Lawatan Kualiti dan Inovasi ke Agensi Persekutuan Sarawak	8
Mystery Shopping	9
Program Organisasi Cemerlang (POC)	10
Seminar ICT *Technology Update*	11
Seminar Amalan 5S Sektor Awam	12
Seminar Mesra Pelanggan Siri 5	13
Program *Outreach*	14
Program Kerajaan Bersama Rakyat	15
Karnival Jalur Lebar 1Malaysia	16
Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam 2010	17
Penilaian *Star Rating* ke Atas MCS	18
Amalan 5S	19
Perisian Sumber Terbuka/ *Open Source Software*	20 - 21
MyGovernment: Portal Rasmi Kerajaan Malaysia	22
Gerbang SMS Kerajaan Malaysia	23
Mercu Kejayaan MCS – 2 Tahun Berturut-turut Bergelar Juara dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MAMPU	24
Mercu Kejayaan MCS – Tempat Ketiga dalam Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) 2010	25
Lawatan YBhg. Dato' Ketua Pengarah ke Pejabat MCS	26
Sudut Ilmiah – *Benefits of Smiling (Have You Smiled Today ?)*	27
Sudut Ilmiah – *Inside Apple From Steve Jobs Down To The Janitor: How America's Most Successful – And Most Secretive – Big Company Really Works*	28 - 29
Aktiviti Dalaman MCS – Perhimpunan Bulanan MCS, Perhimpunan Bulanan MAMPU, *Pillow Talk, Knowledge Sharing*, Majlis Sambutan Hari Lahir dan Majlis Perpisahan Warga MCS	30 - 31
Aktiviti Kelab k-MASURI MCS	32
Warga Baru dan Penganugerahan	33

Sidang Editor

Penasihat
Mohd Shahabuddin bin Omar

Ketua Editor
Azizah binti Mohamad Bee

Penolong Editor
Jane Kiung Ming Yen
Fairoul Ashmey bin Pauzan

Wakil Seksyen/ Ahli-ahli
Cornelia Wong Chui
Angeline Choo Mei Li
Timothy Alexander
Lavinia Clarissa Jusueb
Stevincent Freddy Baru
Azrianie binti Assahari
Refazila binti Mohamad Redzuan
Fara Wahida binti Sunary

Dari Pena Ketua Editor

Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Salam hormat dari sidang editor buat semua pembaca Buletin MCS. Penerbitan Buletin MCS pada kali ini diharap dapat merealisasikan matlamatnya untuk memberi penerangan dan menyebarkan maklumat kepada agensi dan orang awam terhadap program-program utama MCS. Selain itu, dimuatkan juga beberapa topik berbentuk ilmiah yang diharap mampu menyalurkan informasi yang berguna kepada para pembaca. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga MCS yang bersama-sama mencetuskan idea untuk buletin ini. Diharapkan usaha ini akan berterusan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Azizah binti Mohamad Bee
Timbalan Pengarah (ICT)
MAMPU Cawangan Sarawak



Sidang editor mengalu-alukan pandangan bagi tujuan penambahbaikan dan sumbangan penulisan/ artikel/ gambar dan lain-lain yang bersesuaian untuk keluaran akan datang.
Sila hantarkan pertanyaan/ maklum balas anda kepada kami di:
buletinmcs@mampu.gov.my

Sekapur Sirih



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Kegemilangan dan Salam 1Malaysia: " Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ". Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan inayah-Nya jua kita bertemu lagi menerusi Buletin MCS edisi kali ini.

Tahun 2011 merupakan tahun bagi permulaan pelaksanaan agenda transformasi negara yang telah dibentangkan oleh Kerajaan pada tahun 2010 yang lepas. Program Transformasi Kerajaan, Gagasan 1Malaysia: " Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ", Model Baru Ekonomi dan RMKe-10 telah dirangka bagi membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan ke arah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Apa yang membanggakan kita, MAMPU telah diberi kepercayaan untuk sama-sama terlibat dalam agenda transformasi negara ini dan sebagai agensi peneraju transformasi perkhidmatan awam. Dengan harapan dan kepercayaan yang diberikan ini, kita perlu menyemarakkan lagi usaha-usaha transformasi perkhidmatan awam dalam membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan. Sesungguhnya, ini merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dan direalisasikan oleh semua warga MAMPU.

Tahun 2011 merupakan tahun di mana kita perlu mempertingkatkan momentum untuk melaksanakan segala agenda transformasi ini. Budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan nilai-nilai murni hendaklah dijadikan sebagai tunjang kepada agenda transformasi negara. Nilai-nilai murni seperti memberi layanan dengan senyuman, bersopan-santun dan berbudi bahasa merupakan antara usaha yang dilaksanakan ke arah memberikan perkhidmatan yang cemerlang oleh Kerajaan dalam perkhidmatan awam.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk melipat gandakan usaha yang sedang dilaksanakan sekarang ke arah menyemarakkan lagi agenda transformasi negara. *Together We Transform.*

Sekian, terima kasih.

Dato' Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah MAMPU

Seulas Pinang



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Kegemilangan. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah-Nya Buletin MCS terbitan kali ini berjaya diterbitkan.

Paparan Buletin MCS pada kali ini diharap akan dapat memberikan lebih banyak informasi kepada para pembaca terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MCS dalam meningkatkan dan mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan awam memberi perkhidmatan yang terbaik dan menjangkaui ekspektasi dan kehendak rakyat serta *stakeholders*.

Aktiviti atau program seperti *handholding*, *mystery shopping*, penerbitan, khidmat runding, ceramah/ khidmat nasihat serta inovasi akan dipergiatkan sebagai usaha untuk merubah dan meningkatkan tahap perkhidmatan awam ke arah yang lebih cemerlang.

Di samping itu, MCS turut melaksanakan program-program bagi memperkasakan organisasinya seperti melaksanakan MS ISO 9001:2008, Amalan 5S, KIK, penarafan *'Star Rating'*, pelaksanaan *Open Source Software* (OSS) dan sistem kewangan yang mantap.

Akhir bicara, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terus komited menyokong dan memberikan kerjasama kepada MCS selama ini. Semoga tahun 2011 ini akan menjadi tahun yang cemerlang dan terbilang bagi kita semua.

Wassalam.

Mohd Shahabuddin bin Omar
Pengarah
MAMPU Cawangan Sarawak

Minggu Inovasi Agensi Persekutuan Sarawak 2010

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) dengan kerjasama MAMPU, INTAN dan MPC Sarawak telah menyahut seruan Kerajaan supaya menggantikan Hari Kualiti dengan Sambutan Hari Inovasi seperti yang terkandung dalam Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam. Di Sarawak, Minggu Inovasi Agensi Persekutuan Sarawak telah diadakan dari 8 hingga 10 Disember 2010. Antara objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kreativiti dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan;
2. Berkongsi pengalaman dan idea dalam penghasilan inovasi; dan
3. Mengetengahkan serta mengiktiraf keberhasilan inovasi terutamanya di jabatan/ agensi Kerajaan.

Beberapa aktiviti telah dirangka khas untuk menjayakan program ini. Antaranya adalah:

1. Pameran Minggu Inovasi Persekutuan Sarawak yang telah diadakan di Lobi Bangunan Sultan Iskandar dari 8 hingga 10 Disember 2010;
2. Seminar Inovasi Agensi Persekutuan Sarawak yang telah diadakan di Auditorium, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar pada pada 10 Disember 2010; dan
3. Majlis Anugerah Inovasi Setiausaha Persekutuan Sarawak yang telah berlangsung di Colosseum 1, Hotel Pullman, Kuching pada 10 Disember 2010.









Anugerah Laman Web Setiausaha Persekutuan Sarawak (ALWSUPS) 2010

ALWSUPS telah diadakan pada 10 Disember 2010 selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan laman web yang interaktif, terbaik, informatif, berinovasi dan sebagai saluran alternatif bagi penyebaran maklumat kepada orang ramai. Pemberian anugerah ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan khusus kepada agensi-agensi persekutuan negeri Sarawak yang telah membangunkan laman web yang berkualiti, berinformasi dan sentiasa dikemas kini.





Tempat Pertama
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak





Tempat Kedua
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak





Tempat Ketiga
Lembaga Lada Malaysia



Anugerah Inovasi dan Kreativiti Setiausaha Persekutuan Sarawak (AIKSUPS) 2010

Pengenalan AIKSUPS adalah sejajar dengan perubahan persekitaran yang berbeza serta kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang semakin meningkat. Usaha ini dapat memperkenalkan dan mengubah cara kerja yang lebih cekap, efektif serta relevan, selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2006 iaitu **"Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam "** .

Tahun 2010 merupakan tahun ketiga AIKSUPS dianjurkan di negeri Sarawak. Anugerah ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan terhadap agensi persekutuan di negeri Sarawak yang telah menghasilkan inovasi yang diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Anugerah ini dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal.

Kategori Pengurusan

Tempat Pertama
Ibu Pejabat Pelajaran Sarawak

Projek
Portal Pendidikan: engkabang.net

Portal ini menyediakan *platform* bagi guru-guru yang mengajar semua mata pelajaran di peringkat UPSR, PMR, SPM dan STPM di Sarawak.



Tempat Kedua
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Miri

Projek
Sistem Verifikasi Tandatangan (SVT)

Penggunaan SVT *(web-based)* telah menghasilkan penjimatan masa dan kos bagi proses kelulusan baucar bayaran.



Tempat Ketiga
SMK St Patrick, Mukah

Projek

eRSM – Rekod Sahsiah Murid

Sistem ini telah memudahkan pemantauan serta tindakan selanjutnya diambil ke atas masalah disiplin para pelajar SMK St Patrick.



Anugerah Inovasi dan Kreativiti Setiausaha Persekutuan Sarawak (AIKSUPS) 2010

Kategori Teknikal



Tempat Pertama
GIATMARA Batang Sadong

Projek
ISS-ONE-TOOL Special Clam Piston Ring

Inovasi ini telah memudahkan dan menjimatkan masa kerja pemasangan piston, meningkatkan produktiviti pengguna (tidak menggunakan tenaga yang banyak) serta mengurangkan kos memiliki alat pemasangan piston.

Tempat Kedua
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak

Projek
AGRO-*Pine*

Alat ini membolehkan pemotongan tangkai nanas yang tepat agar dapat mengurangkan jumlah kerosakan buah, mengelakkan kecederaan tangan serta masalah kesihatan lain semasa proses penuaian dan menjimatkan masa tuaian.









Tempat Ketiga
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak

Projek
SMAKS-Smart Multi-Accessories Knapsack Sprayer

Peralatan penyembur ini telah mengurangkan risiko dari aspek kesihatan, keselamatan dan kebajikan, membolehkan penyemburan yang lebih cekap, mengurangkan kos dan masa untuk penyelenggaraan ladang dan merupakan inovasi ke arah *"Green Technology"*.

Lawatan Kualiti dan Inovasi ke Agensi Persekutuan Sarawak

Lawatan Kualiti dan Inovasi merupakan lawatan yang dilakukan ke atas agensi-agensi persekutuan di negeri Sarawak bagi:

1. Memantau tahap dan kesan pelaksanaan PKPA agensi persekutuan di negeri Sarawak;
2. Mengesan sejauh mana sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah cekap, berkesan, responsif serta memuaskan hati pelanggan dari aspek perkhidmatan kaunter, pengurusan kewangan, pengurusan projek, pengurusan ICT dan inovasi, komitmen pengurusan atasan terhadap penambahbaikan berterusan, latihan serta penambahbaikan proses dan prosedur kerja; dan
3. Mengenal pasti isu dan masalah yang wujud di agensi berkenaan dalam memberi perkhidmatannya.



Antara lawatan-lawatan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

1. Lawatan Kualiti dan Inovasi ke Hospital Serian pada 3 Ogos 2010;
2. Lawatan Kualiti dan Inovasi ke Kolej Jururawat Masyarakat Serian pada 3 Ogos 2010;
3. Lawatan Inspektorat ICT ke Jabatan Alam Sekitar, Kuching pada 19 Januari 2011; dan
4. Lawatan Kualiti dan Inovasi ke Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak pada 8 Mac 2011.







Mystery Shopping

Mystery Shopping merupakan satu mekanisma yang digunakan untuk memantau agensi -agensi Kerajaan agar sentiasa dalam keadaan "sedia" dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Skop lawatan *Mystery Shopping* adalah meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan kualiti perkhidmatan kaunter yang diberikan kepada pelanggan agensi-agensi persekutuan di negeri Sarawak seperti mana yang telah digariskan dalam **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2008** mengenai **Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan.**

Secara amnya, Pasukan *Mystery Shopping* MCS mendapati semua agensi persekutuan di Sarawak yang terpilih telah memberi tahap perkhidmatan yang memuaskan dan memenuhi standard kualiti dari perspektif pelanggan. Pihak pengurusan serta semua kakitangan agensi terutamanya petugas kaunter telah memberi komitmen yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, responsif, cekap dan berkesan kepada pelanggan mereka.

Hasil daripada lawatan *Mystery Shopping* ini, beberapa penemuan dan cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada agensi yang dilawati agar agensi-agensi ini dapat meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan.

Agensi-agensi yang telah dilawati oleh MCS adalah seperti berikut:

Jabatan Persekutuan di Kuching
1. Poliklinik Jalan Masjid dan Klinik Pergigian Kerajaan Jalan Masjid
2. Hospital Umum Sarawak – Jabatan Pesakit Luar
3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
4. Jabatan Imigresen Negeri Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar
5. Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak, Batu 12
6. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Cawangan Kuching
Pejabat Cawangan Persekutuan di Sibu
1. Klinik Pakar, Hospital Sibu
2. Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian Jalan Oya, Sibu
3. Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sibu
4. Jabatan Imigresen Bahagian Sibu
5. Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Sibu
6. Jabatan Pendaftaran Negara Bahagian Sibu
Jabatan Persekutuan di Kuching dan Serian
1. Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Malaysia Jaya
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
3. Lembaga Tabung Haji
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat Serian
5. Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Serian
6. Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kuching



Program Organisasi Cemerlang (POC)



Program Organisasi Cemerlang (POC) adalah satu program *handholding* MCS untuk membantu agensi-agensi Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan, keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan serta memenuhi harapan dan kehendak rakyat dan pelanggan.

Objektif POC adalah untuk:

1. Memberikan khidmat rundingan yang ditawarkan oleh MCS ke arah transformasi agensi-agensi Kerajaan;
2. Mempertingkatkan dan merapatkan hubungan di antara MCS dengan agensi-agensi Kerajaan; dan
3. Menyelami dan memahami isu-isu dan permasalahan yang berlaku di peringkat agensi Kerajaan dan cara-cara untuk menambah baik keadaan sedia ada.



Lawatan Pemantauan Pelaksanaan Amalan 5S di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bintulu

Seminar ICT *Technology Update*



Seminar ICT *Technology Update* diadakan bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang teknologi ICT yang terkini kepada agensi-agensi Kerajaan di negeri Sarawak. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk membantu agensi-agensi Kerajaan dalam meningkatkan pengurusan pentadbiran Kerajaan yang lebih efisien dan moden.

Antara seminar ICT *Technology Update* yang telah diadakan pada Julai 2010 hingga Jun 2011 adalah seperti berikut:

1. Seminar ICT *Technology Update* Siri 2/2010 ("Pembudayaan Pengukuhan Keselamatan ICT Sektor Awam") pada 14 Oktober 2010.
   - Taklimat *Information Security Management Systems* (ISMS)
   - Taklimat Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Sektor Awam
   - Taklimat Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009: Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT (SPA) Sektor Awam
   - Taklimat Pengalaman Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA)
   - Taklimat Kesedaran Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) Agensi Sektor Awam

2. Seminar ICT *Technology Update* Siri 3/2010 ("Pemantapan Laman Web / Portal Kerajaan dalam Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan") pada 13 Disember 2010.
   - Taklimat *MyGovXchange*: *Gateway to Electronic Submission and Electronic Payment*
   - Taklimat *MyGovernment Portal*: *Way Forward Single Window Government Gateway*
   - Taklimat *Social Media*: *A New Service Delivery Channel for Government*

3. Seminar ICT *Technology Update* Siri 1/2011 ("Pemantapan ICT Dalam Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam") pada 24 Mei 2011.
   - Pelaksanaan 1Gov*Net
   - *Green ICT*
   - *Cloud Computing*



Seminar Amalan 5S Sektor Awam

Sejajar dengan hasrat dan inisiatif transformasi perkhidmatan awam dalam meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan, pelbagai usaha dijalankan dalam memantapkan pengurusan pejabat antaranya ialah melalui Amalan 5S. Amalan 5S merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang berkualiti dalam organisasi.

MCS telah mengadakan Seminar Amalan 5S Sektor Awam di Negeri Sarawak pada 19 Ogos 2010 bertempat di Auditorium, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Seramai 235 peserta dari pelbagai Agensi Persekutuan di Sarawak telah menghadiri seminar tersebut.





Peserta dan tetamu jemputan yang hadir



Sesi Perkongsian Pembudayaan Amalan 5S Tabung Baitulmal Sarawak

Seminar Mesra Pelanggan Siri 5





Kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan. Pengurusan pelanggan perlu dimantapkan bagi meningkatkan jalinan hubungan organisasi dengan pelanggan dan seterusnya memenuhi kehendak serta ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru seperti yang disarankan dalam **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008 – Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan** dan **Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU** bertarikh 17 Disember 2010 – **Usaha-usaha Memantapkan Amalan Senyuman dalam Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam** bagi memastikan perkhidmatan terbaik disampaikan kepada pelanggan secara konsisten dan sejajar dengan pendekatan "***Delighting The Customer***".

Seminar ini merupakan anjuran bersama INTAN Sarawak dan MCS yang bertujuan:

1. Menjelaskan peranan petugas barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti;
2. Meningkatkan komitmen, penghayatan serta amalan senyum dalam memberi perkhidmatan; dan
3. Menyuburkan nilai murni yang membawa kepada pembinaan petugas yang berintegriti dan berakhlak mulia.



Program *Outreach*

MCS menjalankan Program *Outreach* kepada agensi persekutuan dan negeri di Hotel Kingwood Sibu pada 12 Oktober 2010. Fokus utama Program *Outreach* ini adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kefahaman peserta terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Sektor Awam;
2. Meningkatkan pengetahuan peserta mengenai peranan dan fungsi MAMPU sebagai peneraju kecemerlangan pemodenan pentadbiran perkhidmatan awam; dan
3. Mendapatkan maklum balas daripada peserta mengenai usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Program ini dilaksanakan selama satu (1) hari dan pengisian program ini adalah seperti berikut:

1. Taklimat **"Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam dan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif"**;
2. Taklimat **"Panduan Amalan 5S Sektor Awam"**; dan
3. Pameran mengenai penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan.







Mengagumi seseorang bererti berkeinginan menjadi sama seperti orang yang dikagumi; merasa irihati terhadap seseorang bererti berkehendak untuk menyingkirkannya.
~ PIERRE REVEERDY ~

Program Kerajaan Bersama Rakyat



Sejiwa Senada

Program Sejiwa Senada adalah selaras dengan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, merupakan satu *platform* bagi agensi-agensi Kerajaan di Sarawak menyampaikan maklumat terkini kepada rakyat. Ia juga bertujuan untuk memaklumkan rakyat mengenai inisiatif-inisiatif inovasi dan kreativiti serta penambahbaikan yang telah dilakukan oleh agensi Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Di dalam program ini, rakyat juga berpeluang mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Program Sejiwa Senada yang turut disertai oleh MCS ialah di:

- **Betong pada 23-25 Julai 2010**
- **Sarikei pada 6-8 Ogos 2010**
- **Sri Aman pada 25-27 Februari 2011**
- **Serian pada 18-20 Mac 2011**
- **Kuching Selatan pada 25-27 Mac 2011**
- **Kuching Utara pada 1-3 April 2011**





Karnival Jalur Lebar 1Malaysia



MAMPU telah menyertai pameran Karnival Jalur Lebar 1Malaysia anjuran Kerajaan Negeri Sarawak di Padang Merdeka, Kuching pada 30 hingga 31 Oktober 2010. Antara perkhidmatan yang diwar-warkan oleh MAMPU sempena karnival tersebut ialah MySMS, MyGovernment Portal, MyID, eRating dan sebagainya. Selain daripada MAMPU, karnival ini turut disertai oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri Sarawak, syarikat pembekal peralatan/ perisian komputer dan syarikat-syarikat telekomunikasi.

Beberapa program menarik juga diadakan semasa karnival tersebut berlangsung seperti *online games workshop* (*Fifa Online 2*, *Star Craft 2 etc*), *anime showcase*, *cosmic*, *cosplay* & *console game* (*PS2*, *Nintendo*, *Wii*), Konsert Jalur Lebar 1Malaysia dan Kembara Jalur Lebar.



Booth MAMPU telah dilawati oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak



Gambar Liputan Akhbar New Sunday Tribune (31 Oktober 2010)

Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam 2010

Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak telah diadakan di Borneo Convention Centre, Kuching pada 6 Disember 2010. Perhimpunan ini telah dihadiri oleh 3,600 pegawai Persekutuan dan Negeri. Pada masa yang sama, MCS telah mengadakan pameran berkenaan Sistem Penarafan Bintang (*Star Rating*) dengan tujuan memberi publisiti dan maklumat yang meluas mengenai penilaian *Star Rating.*







Kunjungan YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak ke Pameran Penarafan Bintang (Star Rating) MAMPU sempena Hari Perkhidmatan Awam 2010





Memberi penerangan tentang Star Rating kepada para pengunjung

Penilaian *Star Rating* dilaksanakan berdasarkan saranan YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 1 Disember 2006 supaya *Star Rating* diperkenalkan kepada semua agensi Sektor Awam. Pada 8 Februari 2007, Mesyuarat Panel Pentadbiran Awam (PANEL) telah memutuskan supaya Sistem *Star Rating* (SSR) dilaksanakan bagi menggredkan tahap prestasi kecemerlangan agensi-agensi Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Mulai tahun 2008, penilaian *Star Rating* ini telah dilaksanakan di peringkat Agensi Pusat dan Jabatan-jabatan Utama di bawah Ketua Perkhidmatan termasuk MAMPU. Penilaian ke atas agensi lain dibuat oleh MAMPU manakala MAMPU pula dinilai oleh Panel Penilai Bebas. Penilaian ke atas MAMPU dan MCS telah dibuat sebanyak 2 kali, iaitu pada tahun 2008 dan 2010. Daripada kedua-dua penilaian tersebut, MAMPU secara keseluruhannya telah berjaya memperolehi tahap prestasi **CEMERLANG**, iaitu 5 bintang.

Evolusi Kriteria Penilaian *Star Rating*

Tahun 2007

1. Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi
2. Pengurusan Sumber Manusia
3. Perkhidmatan Pelanggan
4. Pengurusan Kewangan
5. Pengurusan Projek

Tahun 2008

Pengurusan
1. Pengurusan Organisasi
2. Pengurusan Kewangan
3. Pengurusan Sumber Manusia
4. Pengurusan Projek Pembangunan
5. Pengurusan ICT

Perkhidmatan Teras
1. Penggubalan Dasar/ Program
2. Pelaksanaan Dasar/ Program
3. Pemantauan Dasar/ Program
4. Keberkesanan Dasar/ Program

Pengurusan Pelanggan
1. Piagam Pelanggan
2. Pengurusan Aduan
3. Pengukuran Kepuasan Pelanggan
4. Usaha-usaha Promosi

Tahun 2010

Pengurusan
1. Pengurusan Organisasi
2. Pengurusan Kewangan
3. Pengurusan Sumber Manusia
4. Pengurusan Projek Pembangunan
5. Pengurusan ICT

Perkhidmatan Teras
1. Penggubalan Dasar/ Program
2. Pelaksanaan Dasar/ Program
3. Pemantauan Dasar/ Program
4. Keberkesanan Dasar/ Program

Pengurusan Pelanggan
1. Perancangan Pengurusan Pelanggan
2. Piagam Pelanggan
3. Usaha-usaha *Delighting The Customers*
4. Pengurusan Aduan
5. Kepuasan Pelanggan
6. Usaha-usaha Promosi





Sesi Bergambar Warga MCS bersama Panel Penilai Bebas SSR



Amalan 5S telah dipraktikkan di MCS sejak tahun 2008 bagi menyahut saranan Ketua Pengarah MAMPU supaya mengamalkan amalan-amalan baik yang boleh dicontohi oleh Agensi Kerajaan yang lain. Penubuhan tiga (3) kumpulan 5S iaitu **MAWAR, ORKID** dan **TERATAI** dengan kawasan-kawasan tanggungjawab masing-masing ternyata telah membawa perubahan yang besar kepada persekitaran kerja di MCS. Usaha yang giat telah dijalankan dari tahun ke tahun bagi memastikan bahawa Amalan 5S sentiasa diamalkan dan dipertingkatkan di MCS. Usaha MCS nyata tidak sia-sia apabila berjaya dipersijilkan dengan Sijil Amalan 5S pada 8 Disember 2010 oleh MAMPU Ibu Pejabat berdasarkan kepada kriteria penilaian yang telah ditetapkan seperti berikut:



KOMPONEN A : PERANCANGAN DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA

- A1 Dasar 5S
- A2 Carta Agensi 5S
- A3 Peta Kawasan Kerja Kumpulan 5S
- A4 Rekod Aktiviti 5S
- A5 Minit Mesyuarat/ Rekod Perbincangan
- A6 Garis Panduan 5S di Agensi
- A7 Audit Dalam
- A8 Pengiktirafan

KOMPONEN B: RUANG TEMPAT KERJA DAN PERALATAN

- B1 Kumpulan Pelaksana 5S
- B2 Sudut 5S
- B3 Lantai
- B4 Susun Atur Peralatan
- B5 Keadaan Peralatan
- B6 Pendawaian
- B7 Lampu
- B8 Susunan fail
- B9 Perhiasan
- B10 Pelabelan
- B11 Keadaan Persekitaran Dalaman
- B12 Ruang Menunggu
- B13 Bilik Mesyuarat
- B14 Bilik Latihan
- B15 Kaunter
- B16 Stor
- B17 Bilik Cetak (Sekiranya ada)

KOMPONEN C: PERSEKITARAN TEMPAT KERJA DAN KEMUDAHAN

- C1 Pantri
- C2 Surau/ Bilik Solat
- C3 Laluan Utama/ Koridor
- C4 Bilik Tahanan (Sekiranya ada)
- C5 Papan Tanda
- C6 Tandas
- C7 Tempat Meletak Kereta (Bagi Agensi yang Mempunyai Ruang Parkir)
- C8 Kawasan Sekitar

Pelaksanaan sistem kerajaan elektronik dan penggunaan ICT dalam sektor awam secara meluas memerlukan pelaburan kewangan yang agak besar. Dengan itu, satu pendekatan yang diambil oleh MAMPU bagi mengurangkan kos pelaksanaan adalah dengan memperkenalkan dan mempergiat penggunaan perisian *open source software* (OSS).

Bengkel Pelaksanaan *Open Source Software* (OSS) Sabah dan Sarawak

Bengkel Pelaksanaan OSS ini telah diadakan di INTAN Kampus Sabah pada 24-25 Jun 2010. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi kesedaran kepada semua agensi kerajaan di Sabah dan Sarawak tentang penggunaan OSS, terutamanya agensi yang belum menggunakan produk *open source* dan agensi yang hanya menggunakan OSS di peringkat infrastruktur.



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Mohd Zahri, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU

Kursus *Open Office*

Kursus *Open Office* dengan kerjasama INTAN Sarawak telah dan akan dilaksanakan pada tarikh seperti berikut:

1. *OpenOffice Writer*- 14 hingga 17 Mac 2011
2. *OpenOffice Calc* – 11 hingga 14 April 2011
3. *OpenOffice Impress* – 26 hingga 29 September 2011





Beberapa sistem yang dibangunkan dengan menggunakan perisian terbuka, iaitu PHP & MySQL turut digunakan di MCS.

Sistem Penilaian Kepuasan Pelanggan Secara Elektronik (e-RATING)

